



Oleh:
Fatimah Kari

Pemulihan Ekonomi Negara Pada Peringkat Endemik Cabaran dari Pelbagai Penjuru

Prestasi ekonomi Malaysia pada suku pertama tahun 2022 menunjukkan tanda pemulihan yang agak baik akibat kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semenjak bulan Oktober 2021. Walau bagaimanapun, proses pemulihan ini belum begitu kukuh disebabkan oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran.

Dari perspektif dalaman, wujud keterbatasan ruang dasar fiskal untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan kerajaan. Hal ini demikian kerana hampir kesemua perbelanjaan kerajaan dalam pakej rangsangan ekonomi bertujuan menyokong perbelanjaan rakyat dan mempertahankan pekerjaan sedia ada. Walau bagaimanapun, perbelanjaan kerajaan melalui pakej pemulihan yang diumumkan semenjak krisis pandemik COVID-19 merupakan satu-satunya jalan keluar daripada krisis ekonomi kesihatan yang melanda negara.

Kemelesetan ekonomi berlaku bukan sahaja pada peringkat negara, tetapi juga diburukkan lagi oleh kemelesetan ekonomi dunia. Pada prinsipnya, perbelanjaan kerajaan sebagai instrumen untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi juga mengandungi keterbatasannya, terutama sekali dari segi skala serta kesan tertangguh (*lag effect*) proses rangsangan terhadap ekonomi negara.

Persoalan utama ialah mengapakah proses pemulihan pada suku pertama tahun 2022 agak mencabar? Perbelanjaan kerajaan perlu bersandarkan sumber hasil seperti cukai atau bukan cukai. Dalam konteks ekonomi pandemik, sudah tentu hasil kerajaan melalui cukai pendapatan dan korporat akan terjejas disebabkan oleh penutupan serta kawalan pergerakan untuk mengatasi penyebaran COVID-19.

Dalam hal ini, tidak dinafikan bahawa sejak awal tahun 2022, kesan perbelanjaan domestik serta pelbagai insentif mula memberikan kesan yang positif. Oleh hal yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa proses pemulihan ekonomi pada suku pertama tahun 2022 akan menjadi penentu untuk meyakinkan pelabur dan pengguna bahawa dasar perbelanjaan kerajaan yang dilaksanakan

semenjak tahun 2020, membentuk asas pemulihan ekonomi negara.

Asas pemulihan ekonomi negara yang dibentuk pada suku pertama walau bagaimanapun terjejas dengan krisis geopolitik perang Rusia-Ukraine yang memasuki hari ke-101 sejak tentera Russia mula menaik bumi Ukraine pada 24 Februari 2022. Berdasarkan perspektif negara kecil seperti Malaysia yang bergantung pada perdagangan antarabangsa, krisis geopolitik ini memberikan kesan langsung kepada usaha pemulihan ekonomi negara.

Sejak Perang Ukraine tercetus, peningkatan harga petroleum mentah memberikan pelbagai impak. Lonjakan harga petroleum mentah menambahkan hasil bukan cukai. Hingga kini, harga petroleum mencecah paras USD110.00 setong. Peningkatan ini memberikan kesan kepada sebuah negara pengeluar seperti Malaysia meskipun Malaysia bukan negara pengeluar utama petroleum.

Seterusnya, peningkatan harga komoditi seperti kelapa sawit membawa implikasi yang signifikan dari segi pertukaran asing, khususnya komponen eksport negara. Bagi perspektif dalaman, peningkatan harga minyak dan komoditi utama menghadapi hambatan daripada kedudukan pertukaran asing atau nilai ringgit yang lemah.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa nilai ini perlu ditambah seperti yang berlaku dalam krisis kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1980-an. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia (BNM) terus menggunakan langkah dasar kewangan dengan meningkatkan kadar *Overnight Policy Rate* (OPR).

BNM berpendapat bahawa perkara ini dapat mengekang pengaliran keluar modal yang boleh memberikan tekanan kepada nilai ringgit. Langkah ini merupakan langkah yang mempunyai risiko

yang tersendiri kerana negara lain juga boleh menggunakan langkah yang sama. Hal ini lebih mudah bagi sesetengah negara kerana momentum pertumbuhan ekonomi yang agak kukuh semenjak beralih ke fasa endemik. Namun begitu, bagi Malaysia, peningkatan OPR boleh menjejaskan usaha pelaburan domestik yang sepatutnya menjadi pemacu untuk memulihkan serta meningkatkan aktiviti ekonomi negara.

Bagi perspektif luaran pula, pelbagai perkembangan dan senario ekonomi dunia menjadikan proses pemulihan ekonomi negara semakin mencabar. Pergantungan Malaysia kepada hasil petroleum, tetapi bukan merupakan negara pengeluar utama di pasaran dunia, lonjakan harga minyak dan peningkatan komoditi utama juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor luaran. Perkara ini bermaksud sistem perdagangan dunia saling berkait dan kompleks.

Pada awal Mei 2022, India mengumumkan larangan ke atas eksport gandum yang berkuat kuasa serta-merta selepas suhu ekstrem akibat gelombang haba menjejaskan penghasilannya. Jika semua negara menjalankan sekatan eksport atau menutup pasaran kepada negara luar, adakah dunia sudah bersedia untuk menghadapi krisis makanan ini?

Faktor luaran yang turut menjejaskan momentum pemulihan ekonomi negara ialah pelaksanaan sekatan dagangan terhadap bahan komoditi yang diumumkan oleh negara pengeluar. Misalnya, fakta asas yang perlu diambil kira ialah India merupakan negara pengeluar gandum yang kedua terbesar selepas China. Pada tahun 2020, India mengeluarkan hampir 107.5 juta tan metrik gandum berbanding dengan negara pengeluar utama, China, iaitu sebanyak 134.2 juta tan metrik.

Pengumuman larangan eksport memberikan kesan "pertengahan"

kepada pasaran domestik di India. Harga kontrak hadapan gandum dijual pada USD320.00 setiap tan metrik berbanding dengan harga kawalan sebanyak USD258.00 setiap tan metrik, dan mencatatkan peningkatan sebanyak 12%. Walau bagaimanapun, harga gandum di pasaran global menunjukkan arah aliran yang meningkat sejak awal tahun 2022 dan peningkatan sebanyak 56% dicatatkan hingga awal bulan Mei 2022. Maka, kejutan harga ini tidaklah memeranjatkan. Hal ini demikian kerana arah aliran peningkatan yang berlaku sejak beberapa tahun yang lalu.

Melihat kepada statistik yang dikemukakan, langkah India yang melarang eksport gandum dan berkuat kuasa serta-merta bakal memberikan impak kepada pasaran gandum dunia. Hal ini akan memberikan kesan kepada pasaran dan harga makanan berasaskan gandum.

Dalam konteks Malaysia, perubahan cita rasa dan gaya hidup menyebabkan pola pemakanan berasaskan gandum dalam jenis

Melihat kepada statistik yang dikemukakan, langkah India yang melarang eksport gandum dan berkuat kuasa serta-merta bakal memberikan impak kepada pasaran gandum dunia.

makanan seperti mi, roti, pasta, dan kuih-muih akan memberikan kesan kepada perbelanjaan makanan rakyat Malaysia. Hakikatnya, keputusan yang diambil oleh India bakal memberikan kesan, terutamanya dari segi bekalan dan harga bekalan gandum dunia.

Impak sekatan eksport gandum oleh India atau mana-mana negara pengeluar yang akan melakukannya, boleh dilihat dari dua perspektif, iaitu dalam jangka pendek dan jangka panjang. Bagi perspektif jangka pendek, kesan peningkatan harga akan menjadi isu utama yang menyaksikan keputusan India yang dibuat secara mendadak itu akan semakin memburukkan keadaan pasaran komoditi asas sedia ada.

Keadaan sedia ada berkait rapat dengan kesan perang Rusia-Ukraine yang kedua-dua buah negara ini merupakan antara negara pengeluar utama gandum bagi pasaran dunia. Pada tahun 2020, Rusia mengeluarkan hampir 85.8 juta tan metrik gandum. Sementara itu, Ukraine

menghasilkan hampir 24.9 juta tan metrik gandum.

Krisis bekalan makanan gandum dunia yang melibatkan peningkatan harga gandum sudah lama terjejas semenjak bermulanya perang Rusia–Ukraine pada bulan Febuari 2022. Maka, keputusan yang dibuat oleh India bakal menjejaskan keadaan bekalan yang akhirnya akan memberikan tekanan kepada harga gandum dan makanan dunia.

Selain itu, perlu juga diingat bahawa aspek logistik serta rangkaian penawaran dunia sudah lama terjejas akibat daripada krisis pandemik COVID-19 yang melanda dunia semenjak awal tahun 2020. Perang Rusia–Ukraine yang meletus pada awal tahun 2022 terus memberikan tekanan kepada sistem perdagangan dunia yang belum pulih sepenuhnya akibat krisis wabak COVID-19. Maka, dalam jangka pendek, kewujudan krisis geopolitik, gangguan cuaca serta pandemik COVID-19 merupakan krisis berangkai yang memberikan tekanan kepada pasaran makanan dunia. Tambahan pula, perkara ini bukan sahaja melibatkan pasaran gandum, tetapi turut melibatkan kesemua jenis bahan komoditi utama yang menjadi asas bekalan makanan dunia.

Malaysia menghadapi cabaran yang agak getir dalam menguruskan peningkatan permintaan bahan makanan, khususnya dalam jangka pendek. Mengurus proses pemulihan ekonomi dalam keadaan stagflasi bukanlah perkara yang mudah. Ekonomi stagflasi ialah keadaan ekonomi yang mengalami pertumbuhan mendatar di belakang peningkatan harga atau inflasi yang tinggi.

Usaha mengimbangi antara pertumbuhan dengan inflasi merupakan satu percaturan yang mempunyai risiko tersendiri. Sebagai contohnya, usaha

*Malaysia
menghadapi cabaran
yang agak getir
dalam menguruskan
peningkatan
permintaan bahan
makanan, khususnya
dalam jangka
pendek.*

meningkatkan pertumbuhan ekonomi untuk mewujudkan peluang akan memberikan tekanan kepada indeks inflasi atau harga.

Dalam konteks harga makanan yang terus meningkat, instrumen harga digunakan untuk mengagihkan makanan dalam konteks pasaran sedia ada. Perkara ini juga bermaksud, sekiranya harga digunakan untuk menstabilkan permintaan makanan, maka peningkatan harga merupakan satu-satunya cara yang terpaksa dilaksanakan.


Sehubungan dengan itu, jika bekalan makanan terus menurun pada tahap kritikal, maka instrumen harga tidak lagi boleh digunakan untuk menstabilkan pasaran. Situasi ini akan mendesak pihak kerajaan untuk mengambil langkah yang lebih ketat seperti melibatkan catuan fizikal.

Kesan catuan fizikal terhadap bekalan makanan bermaksud mekanisme harga

dan pasaran runtuh. Kedudukan ini bakal mengundang pelbagai kemungkinan dan senario negatif serta sukar ditangani. Secara ringkasnya, dalam jangka pendek, pengguna di Malaysia tidak dapat mengelak dan terpaksa membayar harga makanan yang semakin tinggi dan terus meningkat.

Dalam jangka panjang, terdapat pelbagai senario yang mungkin boleh digunakan sebagai landasan terbaik untuk meringankan tekanan harga makanan yang melanda negara. Selain itu, perlu diingat bahawa sistem perdagangan dunia dan teknologi banyak membantu dalam memastikan bekalan makanan mencukupi untuk keperluan negara.

Secara amnya, aspek penawaran makanan negara berkait rapat dengan usaha penyusunan semula dan usaha memulihkan sektor pertanian ke arah yang lebih moden, produktif dan lestari. Sektor pertanian ialah sektor



tradisional dan ekonomi warisan negara yang mesti dipulihkan agar peranan sektor pertanian seperti yang pernah dilalui pada zaman awal kemerdekaan dahulu dapat dikembalikan semula.

Kepelbagaian usaha dalam sektor pertanian perlu dilakukan, iaitu dengan mengusahakan tanaman makanan dalam jangka pendek di samping mengekalkan aktiviti penanaman kelapa sawit dan tanaman getah asli yang merupakan tonggak dan kekuatan sektor pertanian negara.

Dalam konteks dasar, kejutan bekalan makanan akibat gangguan cuaca dan krisis geopolitik seharusnya dijadikan peringatan untuk menyegerakan langkah dan inisiatif sekuriti makanan negara. Malaysia perlu membangunkan sektor pengeluaran makanan domestik dengan melibatkan petani kecil yang akan memainkan peranan utama dan dapat membuka peluang aktiviti hiliran dan hulu dalam bidang perniagaan tani.

Selain itu, perlu diingat bahawa hampir 98% daripada bekalan makanan dunia dihasilkan oleh petani secara kecil-kecilan yang disokong oleh dasar kerajaan yang proaktif dan memihak kepada petani. Usaha meningkatkan bekalan makanan negara mestilah dikaitkan dengan usaha membantu pekebun kecil. Umum mengetahui bahawa isu dan masalah kemiskinan dalam kalangan pekebun kecil, nelayan, penoreh, dan petani merupakan manifestasi masalah struktural dalam sektor pertanian.

Masalah struktural dalam sektor pertanian mempunyai perkaitan dengan kewujudan modal, akses pasaran, dasar yang berat sebelah, dan aspek pemasaran yang perlu dipulihkan mengikut perubahan permintaan dan penawaran pasaran.

Penyusunan semula sektor bekalan makanan negara dengan

Isu bekalan makanan sudah tidak hanya lagi dilihat dari aspek “sekuriti makanan”, tetapi juga mengambil kira “kedaulatan makanan” kerana pasaran global tidak dapat lagi menjamin keperluan makanan negara.

memberikan tumpuan kepada pembukaan ladang serta estet secara besar-besaran tidak akan menyelesaikan isu kedaulatan makanan negara.

Terdapat kemungkinan besar bahawa ladang serta estet berskala besar ini akan memanfaatkan pelabur besar dan bukannya pekebun kecil. Perkara ini berlaku dalam konteks sektor bekalan daging dan ternakan ayam yang pihak berskala besar menguasai pasaran dari setiap penjuru. Hal ini termasuklah strategi pasaran dan subsidi, kawalan terhadap dedak makanan ayam, teknologi, pasaran serta musim atau tempoh bekalan daging, dan ayam yang akan dipasarkan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan harus melihat isu pelabur besar yang menerima manfaat faedah subsidi sektor pengeluaran ayam dan daging di samping mengawal pasaran sebagai masalah struktural dalam industri makanan negara. Pekebun atau peternak secara kecil-kecilan berdepan dengan peningkatan kos pengeluaran dan tidak dapat pembelaan daripada skim subsidi sedia ada.

Dalam usaha menyelesaikan masalah stuktural bagi sektor pertanian, kerajaan perlu tegas dalam memastikan kepentingan

pengguna dilindungi. Sehubungan dengan itu, isu penternak dan pekebun kecil mesti diatasi agar golongan ini dapat bersaing dalam pasaran. Sekiranya masalah struktural ini dapat dielakkan, maka sistem pasaran boleh berfungsi dengan cekap.

Kerajaan hanya perlu memantau amalan pengeluaran dan pedagang yang memanipulasikan pasaran. Harga dan kos pengeluaran sepatutnya dijadikan instrumen untuk mengagihkan segala barangan dan sumber dengan cekap. Melalui kedudukan ini, negara dapat mengatasi isu kemiskinan dan penindasan pasaran yang dihadapi oleh golongan petani dan nelayan yang berlaku secara berlarutan.

Kesimpulannya, reformasi sektor makanan akan menjadi tonggak utama dalam usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi domestik akibat gangguan bekalan yang disebabkan oleh krisis geopolitik, pandemik COVID-19 serta gangguan cuaca yang ekstrem yang menjejaskan penawaran makanan global.

Isu bekalan makanan sudah tidak hanya lagi dilihat dari aspek “sekuriti makanan”, tetapi juga mengambil kira “kedaulatan makanan” kerana pasaran global tidak dapat lagi menjamin keperluan makanan negara. Perkara ini sangat jelas dengan tindakan negara seperti India yang menghentikan eksport gandum yang akhirnya memberikan kesan kepada pasaran global. Proses globalisasi kini mengancam kedaulatan makanan negara dan perkembangan ini memaksa Malaysia mengatur dasar yang lebih kalis kejutan global pada masa depan. 

Profesor Fatimah Kari ialah Penasihat Penyelidikan di Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.